

26/04/2003

Libya minta bantuan KDEB bantu pendidikan, infrastruktur

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Delegasi Jawatankuasa Am Rakyat (GPC) Shabiyat Betnan, sebuah negeri di Libya, akan mendapatkan kepakaran Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), anak syarikat kerajaan Selangor, bagi membantu syarikat swasta negara itu membangunkan sektor pendidikan dan infrastruktur di Libya.

Perkara itu dinyatakan oleh ketua delegasi, Habib Mohamed Rejad, kepada

Presiden KDEB, Datuk Zabir Bajuri ketika melakukan kunjungan ke pejabatnya

bagi mendengar taklimat perdagangan dan pelaburan.

"Berdasarkan pertemuan kami, wakil Libya itu nampaknya berminat dengan konsep sekolah bestari yang dijalankan oleh KDEB dengan Kementerian Pendidikan serta sistem rawatan air dan lebuhraya pintar yang kita bangunkan," katanya.

Delegasi itu dalam rangka lawatan selama enam hari ke Selangor.

Menurut Zabir, KDEB akan mendapatkan maklumat terperinci mengenai perkara itu dan bersedia membantu mana-mana syarikat dari Libya yang mahu

belajar dan menimba pengalaman daripada KDEB.

Beliau berkata, melalui pertemuan itu, Libya menunjukkan minat terhadap

pengurusan KDEB serta aktiviti anak syarikat yang meliputi pelbagai bidang

iaitu pelaburan, teknologi maklumat, hartanah, rekreasi dan pelancongan serta infrastruktur dan utiliti.

Sehubungan itu, katanya, KDEB akan mengadakan perbincangan susulan dengan wakil dari Libya itu mengenai peluang pelaburan yang dapat ditawarkan kepada syarikat swasta dari negara itu serta bentuk perkongsian

yang boleh diwujudkan antara Selangor dan Shabiyat Betnan.

"Kita berminat untuk menjalin perkongsian dalam pelbagai bidang terutama

menawarkan kepakaran kita dalam aktiviti hartanah, teknologi maklumat dan

sekolah bistari," katanya di sini, semalam.

Zabir berkata, beliau dimaklumkan oleh delegasi itu bahawa lawatan mereka ke Malaysia adalah atas jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempromosikan negara ini sebagai lokasi terbaik untuk pelabur dan mereka yang mahu menimba pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ekonomi.

"Dalam pada itu, kita berbangga kerana pihak Wisma Putra memilih Selangor sebagai destinasi lawatan mereka kerana kejayaan Selangor muncul

sebagai negeri paling maju dan melalui pembangunan pesat dalam pelbagai bidang," katanya.

Dalam kunjungan ke KDEB, delegasi itu diberikan taklimat mengenai aktiviti KDEB dan anak syarikatnya sebelum dibawa melawat loji rawatan air

Bukit Badong di Kuala Selangor, Lebuhraya Sprint yang menghubungkan

Kerinci-Damansara, Sekolah Bistari di Putrajaya, projek hartanah KDEB
di
Bandar Baru Selayang.